

18/09/2000

Projek bantu pesakit buah pinggang

SEREMBAN, Ahad - Kos mencuci darah yang ditanggung pesakit buah pinggang memang mahal sekali gus menimbulkan masalah besar pesakit daripada golongan miskin, pesara dan yang mempunyai tanggungan ramai.

Yang membebankan setiap pesakit ialah terpaksa membelanjakan RM150 untuk sekali rawatan yang perlu dilakukan tiga kali dalam seminggu.

Untuk itu, Pusat Haemodialisis Mawar Negeri Sembilan (PHMNS), Seremban, satu-satunya kemudahan khusus diwujudkan untuk pesakit terbabit, mengorak langkah dengan mengadakan projek khas mengumpulkan wang membantu mereka yang memerlukan.

Pesakit yang menggunakan mesin haemodialisis di PHMNS Jalan Rasah itu dikenakan bayaran RM70 sekali rawatan dan bagi meringankan kos rawatan, PHMNS menampung RM80 sebagai subsidi.

Pengurusan tidak boleh menanggung kos berterusan apatah lagi operasinya mengalami defisit sebanyak RM100,000 setiap bulan, termasuk pembayaran gaji kakitangan pentadbiran, perubatan serta menyelenggarakan mesin pencuci darah.

Bagi membantu pesakit terbabit, Bahagian Perhubungan Awam dan Pemasaran PHMNS menerusi Azmiza Trading (M) Sdn Bhd, yang dilancarkan Pengerusinya, Datuk Dr Yeow Chai Thiam yang juga Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Exco) awal bulan ini, memperkenalkan baucar pelancongan dalam pakej istimewa dikenali sebagai 'Save 228' yang dijual kepada orang ramai.

Pengurus pentadbiran syarikat itu berkata, ada 10 baucar dalam pakej yang ditawarkan tujuh pusat peranginan terkenal di negara ini dan makanan popular yang menawarkan potongan harga menarik.

Untuk sebarang pertanyaan, orang ramai boleh menghubungi terus Azmiza Trading, Blok A, PHMNS, 71 Jalan Rasah, Seremban atau menelefon 06-7672421.

"Baucar berharga RM30 ini memberi pulangan menarik untuk percutian anda. Ini bermakna pembeli menggunakan percutian maksimum dengan kos paling minimum.

"Perkenalan baucar ini adalah selaras dengan program 'Cuti-Cuti Malaysia' anjuran Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan.

"Dengan membeli pakej ini, anda bukan saja bercuti, tetapi dapat membantu pesakit yang memerlukan bantuan," katanya.

Antara pusat peranginan yang mengambil bahagian dalam pakej itu ialah Avillion Village Resort, Port Dickson; Hotel Langkawi Seaview; The Mines Wonderland, Selangor; dan A Famosa Water World, Melaka.

Bagi peminat golf pula, Kelab Golf Diraja Palm Spring, Port Dickson sedia menanti mereka manakala Redang Holidays dan Scuba Diving, Pulau Redang (Terengganu) tidak ketinggalan menawarkan diskaun dalam pakej itu.

Pakej baucar itu boleh diperolehi sekarang di kaunter ruang legar pusat beli-belah di Seremban seperti Seremban Centre Point, Terminal One dan pasar raya Makro serta di Kuala Lumpur.

"Setiap sen hasil daripada kutipan penjualan itu akan digunakan bagi pembiayaan pesakit buah pinggang terbabit. Semoga bantuan anda dapat membantu mereka yang memerlukan.

"Kini ada 120 pesakit berdaftar menggunakan kemudahan disediakan di PHMNS, Seremban iaitu 24 orang, 10 di cawangan Bahau dan lapan lagi di Lukut, Port Dickson," katanya.

Ibu pejabat PHMNS tingkat itu dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 24 Februari 1997.

Untuk sebarang pertanyaan, orang ramai boleh menghubungi terus Azmiza Trading, Blok A, PHMNS, 71 Jalan Rasah, Seremban atau menelefon 06-7672421.

(END)